

Gubal undang-undang pastikan penggunaan AI kekal selamat



Oleh Dr Hafidz Hakimi Haron
bhrencana@bh.com.my

Kepesatan pembangunan teknologi kecerdasan buatan (AI) membawa revolusi sangat besar terhadap pelbagai aspek kehidupan, mencakupi pendidikan, kewangan, keselamatan, kesihatan, pengangkutan, politik dan pentadbiran kerajaan.

Perkembangan pesat, dipacu pertambahan kebergantungan terhadap teknologi digital memberi manfaat sangat besar tetapi pada masa sama menimbulkan pelbagai risiko dalam kehidupan manusia termasuk diskriminasi, ketuluan algoritma, pelanggaran privasi dan hak asasi.

Lebih mengusarkan, isu keaburan liabiliti ataupun kebertanggungjawaban apabila sesebuah keputusan dibuat mesin tanpa pembabitkan manusia secara aktif.

Justeru, undang-undang khusus mengawal selia akauntabiliti penggunaan AI dan penciptaan kandungan melalui teknologi itu perlu digubal di negara ini kerana keaburan liabiliti perundangan turut menyumbang kepada penyalahgunaan, khususnya bersifat janaan.

Misalnya, pada Disember lalu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) mendedahkan terdapat peningkatan ketara terhadap jumlah kandungan lucah dijana AI, malah agensi itu menurunkan 1,225 kandungan lucah pada tahun lalu berbanding hanya 186 (2022).

Begitu juga, polemik Jalur Gemilang tidak lengkap yang timbul turut memberi petanda keperluan pengubalan undang-undang menentukan liabiliti khusus terhadap ciptaan dijana AI.

Perundangan ini perlu berperanan menyelesaikan persoalan pokok seperti siapakah harus dipertanggungjawabkan sekiranya sistem AI

menyebabkan kerugian, kecederaan mahupun dalam konteks lebih besar, pelanggaran hak asasi manusia?

Namun, permasalahan timbul kerana AI mampu bertindak secara autonomi yang boleh menimbulkan kekaburan terhadap liabiliti perundangan, iaitu dari segi niat, mahupun pelaku sebenar kesalahan atau kecuaiian berkenaan, selain kekhuatiran berasas terhadap privasi serta perlindungan data peribadi.

Ini kerana, operasi sistem AI bergantung kepada data berskala besar, sekali gus pengumpulan dan pemrosesannya mampu memabitkan maklumat sensitif mahupun peribadi.

Ia seterusnya membawa risiko pengintipan digital, penyalahgunaan atau ketirisan maklumat, manakala kebergantungan berlebihan terhadap AI boleh membawa kepada diskriminasi serta ketidakadilan secara sengaja atau tidak.

Fenomena ini bukan sahaja menjejaskan keadilan sosial, malah bercanggah dengan prinsip kesamarataan di sisi undang-undang.

Manipulasi AI hasilkan kandungan palsu

Teknologi AI juga boleh dimanipulasi bagi menghasilkan kandungan palsu yang bukan sahaja mampu menjejaskan reputasi peribadi, malah mengancam kepentingan awam.

Ia boleh digunakan menyebarkan mesej kebencian mahupun propaganda yang mampu memberi kesan buruk secara langsung terhadap sistem demokrasi. Tanpa kawalan perundangan sesuai, AI mampu menjadi alat penyebaran fitnah secara berskala besar.

Kemajuan teknologi janaan AI juga memberi ancaman terhadap perlindungan harta intelek dan hak cipta. Keupayaannya mencipta lagu, menulis buku atau menghasilkan produk kreatif turut menimbulkan dilema mengenai siapakah pemilik sebenar karya dihasilkan.

Pelbagai negara dan badan antara kerajaan sudah merangka dasar dan kerangka undang-undang untuk memastikan penggunaan AI adalah selamat, beretika dan bertanggungjawab.

Bagaimanapun, Malaysia masih di peringkat awal dalam membangunkan perundangan khusus berkaitan AI, iaitu pengubalan Garis Panduan Negara Mengenai Tadbir Urus dan Etika AI dikeluarkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), September tahun lalu.

Pejabat AI Kebangsaan (NAIO) turut ditubuhkan pada Disember tahun sama untuk membina ekosistem digital kukuh dan memastikan kelompangan perundangan tempatan dapat diatasi serta ditangani segera.

Misalnya, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dilihat sebagai satu perundangan komprehensif menangani cabaran penggunaan data oleh sistem AI. Undang-undang liabiliti tort sedia ada masih belum teruji bagi menangani tuntutan terhadap kecuaiian sistem AI dalam sektor automotif, perubatan atau kewangan.

Ini sudah tentu menimbulkan keperluan untuk mengkaji dan menyesuaikan pendekatan global bagi mengisi kelompangan undang-undang sedia ada.

Kesatuan Eropah (EU) misalnya menguatkuasakan Akta Kecerdasan Buatan EU pada 1 Ogos tahun lalu yang dianggap pertama seumpamanya di dunia. Undang-undang ini menyusun risiko AI kepada empat kategori, iaitu minimum, terhad, berisiko tinggi atau tidak boleh diterima.

Singapura, Kanada, United Kingdom (UK) dan Jepun turut giat mengembangkan perundangan serta garis panduan penggunaan teknologi AI.

Justeru, satu undang-undang komprehensif dan berpanduan prinsip keadilan, ketelusan serta nilai tempatan perlu diwujudkan bagi memastikan penggunaan AI kekal selamat dan melindungi masyarakat serta negara.

Pensyarah Kanan,
Pusat Pengajian
Undang-Undang,
Kolej Undang-
Undang, Kerajaan
dan Pengajian
Antarabangsa
(COLGIS), Universiti
Utara Malaysia